

# Buku, persahabatan dan PBAKL



## LINGKARAN SENI

KAMARIAH KAMARUDIN

**S**ejauh mana buku dapat membangunkan jiwa dalam membenihkan persahabatan dan kasih sayang? Sejauh mana buku dikategorikan dalam kelompok sastera Melayu dapat menyalurkan maklumat berguna untuk pembaca sekali gus membina nilai persahabatan yang tulus dan ikhlas dalam pergaulan?

Di Malaysia, dunia penerbitan buku menyaksikan pelbagai genre karya sastera tumbuh saban masa sementelahan pula menjelang Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) untuk khalayak masyarakatnya. Didapati PBAKL saban tahun memperlihatkan kebanjiran pengunjung yang terdiri daripada lapisan usia untuk menikmati buku sebagai bahan bacaannya. Maka, karya sastera juga tidak terkecuali dalam memainkan peranannya menyalurkan perutusan mulia untuk kelompok anak muda.

Rata-rata golongan muda kurang faham untuk memilih bahan bacaan yang bermutu untuk tatapannya. Sementelahan buku-buku yang dihasilkan oleh pengarang kreatif yang lahir daripada latar belakang pelbagai gagasan idea. Justeru, dalam konteks ini peri pentingnya bimbingan dan asuhan daripada para ibu bapa, pendidik dan penggiat seni sastera untuk mempromosi hasil karya yang sesuai dan terbaik untuk pembaca.

Malahan dalam kalangan para penulis pula berlapang hati berkongsi buku yang dihasilkan untuk diagihkan kepada pembaca. Konsep bertukar-tukar buku dalam kalangan penulis merupakan suatu usaha dan upaya mulia dalam meraikan persahabatan sekali gus menyulam kecintaan terhadap dunia buku dan penerbitan.

Lantaran terdapat sebahagian penulis di tanah air menghadihkan buku masing-masing kepada sahabat penulisnya dalam rangka mempromosi karya terbaharu, selain menjalinkan rangkaian ketulusan. Hal ini terjadi terhadap penulis yang pernah menerima buku daripada sahabat penulis. Malahan pernah juga

penulis bertukar-tukar buku sama ada dalam kategori buku ilmiah atau kreatif dalam kalangan sahabat penulis.

Misalnya baru-baru ini dalam program sastera di Sekolah Menengah Long Gafar 2, Kota Bharu, Kelantan dan acara Minda Kreatif Sasterawan Negara, Datuk Dr Siti Zainon Ismail di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), penulis menerima buku *Kumpulan Puisi Sambil Menunggu Tua di Beranda* (Wan A Rafar), *Kumpulan Puisi Tentang Hati Mawarku* (Maroof Seman RS), *Kumpulan Cerpen Lelahnya Bermain Catur* dan *Kumpulan Cerpen Jernihnya Air di Hulu* (Tuan Sharif Putera) sebagai koleksi simpanan.

Upaya ketiga-tiga penulis nan budi-man ini disanjung tinggi lantaran usaha membina jaringan persahabatan dalam dunia kreativiti dan sastera tanah air.

Malahan dalam acara Seminar Pemikiran Zakaria Ali di Universiti Putra Malaysia (UPM), penulis bertukar-tukar buku dengan Nisah Haron, penulis anak kelahiran Negeri Sembilan. Kami bertukar buku masing-masing iaitu *Sehelai Sejadah di Lantai Kaabah* dan *Kembara Sastera Nisah Haron United Kingdom & Dublin* (Nisah Haron) dan *Memoir Rimbunan Cinta Bonda dan Tatarias Islam dalam Kaya Sastera Melayu* (Kamariah Kamarudin). Ternyata pertukaran buku dapat membangun inspirasi masing-masing untuk tekal dalam pengkaryaan. Selain menjaring warna persahabatan yang luhur dalam perjuangan kesusasteraan tanah air.

Oleh demikian, apakah yang dapat dirumuskan daripada buku dan persahabatan?

1. Membawa pembaca menghargai sesebuah buku lantaran mengenali penulis dengan lebih akrab.

2. Mengembalikan semangat penulis yang barangkali telah lama tidak berkarya untuk gigih menulis.

3. Menghubungkan ikatan persahabatan dengan luhur ekoran daripada keikhlasan masing-masing.

4. Berkongsi sensitiviti, emosi dan kreativiti masing-masing dalam proses pengkaryaan.

5. Bertukar-tukar fikiran dan pandangan tentang dunia penerbitan buku tanah air.

6. Meraikan dunia sastera dengan lebih mendalam untuk menghasilkan karya yang bermutu.



Karya sastera tidak terkecuali dalam memainkan peranannya menyalurkan perutusan yang mulia untuk kelompok anak muda.

7. Menyuburkan gaya bahasa dan bahasa lantaran komunikasi yang berhemah dan berhikmah dalam karya sastera antara penulis.

8. Mengenali dunia penerbitan buku khususnya sastera dengan lebih mendalam dan luwes.

9. Menjadi sumbangan dalam dunia sastera lantaran kepelbagaian penulis daripada latar belakang yang berbeza.

10. Mendedahkan para penulis dengan aktiviti dan program sastera seperti seminar, wacana, bicara, kolokium, bengkel dan seumpamanya.

Jadi, sempena PBAKL yang akan berlangsung pada hujung Mei sehingga awal Jun 2025, ayuh beramai-ramailah berkunjung. Mercu tanda aktiviti penerbitan tanah air terserlah menerusi acara dan program yang diadakan sepanjang PBAKL berlangsung. Malahan penerbit masing-masing bekerja keras untuk mempromosi buku demi kelestarian dunia pembukuan. Didapati para penulis pula bertungkus-lumus memastikan buku masing-masing dapat ditelaah pembaca menjelang PBAKL atau lebih dikenali dengan 'hari raya buku negara'.

Pengunjung pula tanpa mengenal status pekerjaan, peringkat usia dan latar belakang sosiobudaya tidak akan melepaskan peluang dalam PBAKL untuk meraih buku yang bersesuaian untuk tatapannya. Malahan dalam kalangan

pelajar sekolah dan mahasiswa kampus akan menabung terlebih awal untuk digunakan tatkala menjelang PBAKL. Semangat memiliki bahan bacaan bermutu sewajarnya dijadikan sandaran dalam memilih lambakan buku di pasaran.

Ungkapan pujangga iaitu 'buku adalah jendela dunia yang dapat menerobos isi dunia tanpa melakukan perjalanan, hanya cukup membaca sebuah halaman' wajar dijadikan renungan. Malahan ungkapan lainnya iaitu 'membaca buku untuk pertama kalinya seperti berkenalan dengan seorang teman baru; membacanya untuk kedua kali seperti bertemu dengan teman lama' seharusnya diberikan tuntas perhatian. Selamat meraikan persahabatan nan luhur dalam sebuah buku, selamat berkunjung ke PBAKL dengan senyuman dan kecintaan.

Buku, persahabatan dan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur sesungguhnya lorong pengunjung daripada kegelapan kepada cahaya yang terang benderang. Malahan dunia kesusasteraan makin berganjak kepada ihsan dan kemuliaan.

*\*Profesor Madya Dr. Kamariah Kamarudin merupakan pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Beliau dinobatkan sebagai penerima Anugerah Akademik Negara kategori Seni dan Kreativiti Kelompok Penulisan Kreatif pada tahun 2019*